

RM2.6 juta bantu golongan terkesan

Bantuan oleh MAINS itu merupakan inisiatif dari segi keperluan asasi

Oleh NORAFIDAH ASSAN

SEREMBAN

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) memperuntukkan dana sebanyak RM2,654,948 menerusi Bantuan Zakat Khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 kepada golongan sasar yang terkesan akibat Covid-19.

Menyertai sidang media di Hotel Pasca Exco, Kuala Lumpur, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, bantuan itu adalah inisiatif untuk membantu golongan berkenaan dari segi keperluan asasi.

"Peruntukan itu diberikan kepada beberapa segmen iaitu Bantuan Khas Tunai Covid-19 sebanyak RM1,408,850 bagi individu dan keluarga yang terjejas sepanjang PKP ini terutama golongan B40, golongan yang kehilangan pekerjaan, peniaga dan penjaja kecil serta pekerja harian."

"Selain itu Bantuan Segera Asnaf Fakir dan Miskin sebanyak RM18,604, Bantuan Person Under Surveillance (RM138,700).

"Bantuan pakaian pelindung diri (PPE) petugas hadapan Jabatan Hal Ehwal



AMINUDDIN

Agama Islam Negeri Sembilan (RM47,760) serta Bantuan Petugas dan *Frontliner* sebanyak RM70,496," katanya dalam sidang media secara dalam talian selepas selesai mesyuarat Pasca Exco kerajaan negeri,

pada Rabu.

Tambah Aminuddin, selain itu, terdapat Bantuan Sumbangan Makanan Bermasak bagi petugas dan *frontliner* sebanyak RM76,580, Bantuan Organisasi bagi Persatuan Empunya Bas Sekolah (RM21,000) dan Bantuan 1 Asnaf 1 Tablet berjumlah RM872,958," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berlainan, Aminuddin berkata, kerajaan negeri juga memberi peruntukan sebanyak RM3 juta bagi menyalurkan bantuan tunai secara *one-off* kepada rakyat yang terjejas akibat PKP 3.0.

"Bagi mereka yang kehilangan pekerjaan boleh membuat permohonan secara online. Kaedah permohonan adalah melalui sistem aplikasi N9 Digital atau melalui <https://www.n9.digital>.

"Kadar bantuan adalah RM300 tunai akan dibuat secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) kepada pemohon yang layak dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh kelulusan permohonan," katanya.

MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?